

# Bumiputera jual projek dibidas

**K**LANG 28 Okt.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan pengusaha bumiputera yang "menjual" projek penswastaaan kepada bukan bumiputera.

Menurut Perdana Menteri, beliau kesal dengan tindakan para pengusaha tersebut yang meminta projek penswastaaan dengan alasan bahawa mereka adalah bumiputera dan tidak berbuat apa-apa sebaliknya menjualkan kepada bukan bumiputera.

Katanya, pada masa yang sama ada juga di kalangan mereka (bumiputera) yang mengecam langkah penswastaaan kerajaan kerana dianggap merugikan masyarakat bumiputera.

Tindakan mereka, kata beliau, bukan sahaja menggagalkan proses pe-

nyusunan semula masyarakat tetapi memburukkan nama bumiputera.

"Akibat kelakuan segelintir mereka ini pengusaha bumiputera yang lain dan masyarakat bumiputera yang menjadi mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Pelancaran Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) di sini malam ini.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak harus disalahkan apabila sesuatu rancangan untuk menolong bumiputera gagal mencapai matlamatnya.

"Fikirkan juga tentang perbuatan orang-orang tertentu yang hanya berfikir untuk mencari keuntungan yang cepat tanpa memperdulikan nasib kaum bangsanya," tegas beliau.

Beliau juga menyangkal dakwaan kononnya langkah penswastaaan merugikan masyarakat bumiputera.

Dr. Mahathir menjelaskan, sebahagian ekuiti dalam syarikat yang di-swastakan dipegang oleh institusi-institusi seperti Permodalan Nasional Berhad, Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan badan-badan yang mewakili bumiputera.

Kata beliau, sebenarnya tiada syarikat besar bumiputera yang tidak mendapat manfaat yang besar daripada penswastaaan.

"Namakan sahaja syarikat bumiputera yang besar dan kita akan tunjukkan bagaimana syarikat itu mendapat nikmat yang besar daripada penswastaaan," jelasnya.

Oleh itu kata Perdana Menteri, syarikat bumiputera yang kecil dan bumiputera perseorangan tidak boleh mendakwa bahawa mereka tidak dapat apa-apa faedah daripada penswastaaan.

"Melalui subkontraktor dan pemilikan saham dalam syarikat-syarikat, bumiputera dan bukan bumiputera, dan juga melalui badan-badan amanah bumiputera, semua bumiputera mendapat nikmat daripada penswastaaan," ujarnya lagi.

Beliau berkata, jika terdapat seolah-olah hanya beberapa syarikat tertentu sahaja mendapat peluang penswastaaan, ini kerana mereka membuktikan kebolehan serta sikap untuk tidak mencari keuntungan cepat dengan menjual hak dan peluang yang diperolehinya.

Katanya, sesiapa sahaja akan diberi peluang jika mereka dapat membuktikan kebolehan dan kejujuran semasa berusaha sendiri.

Dr. Mahathir menegaskan, tujuan Dasar Pembangunan Nasional diwujudkan itu adalah untuk mendapatkan penyertaan bumiputera secara kualiti dan bukan kuantiti seperti Dasar Ekonomi Baru.

Katanya, kuantiti atau jumlah penyertaan bumiputera boleh luput di tangan bumiputera yang tidak cekap atau tidak sabar untuk menjadi orang kaya.

"Tetapi penyertaan yang berkualiti oleh bumiputera yang cekap lebih berkemungkinan menaikkan kuantiti yang kekal di tangan mereka," tegasnya.

Dr. Mahathir juga

menggesa para pengguna, pemilik dan pemandu kenderaan supaya lebih bertanggungjawab dan menghormati undang-undang yang telah diperuntukkan.

Katanya, kerajaan membuat undang-undang untuk penyelenggaraan kereta secara yang baik bukan menyusah pengguna tetapi untuk menyelamatkan mereka.

Dalam hal ini, katanya,

ada pihak yang memper-tikaikan mengenai langkah-langkah itu termasuk pemeriksaan kereta yang berasap tanpa alat canggih dan menganggap pemeriksaan itu sebagai tidak adil.

Beliau juga memberitahu, tindakan kerajaan menswastakan pemeriksaan kenderaan kerana beberapa sebab antaranya kerana kerajaan tidak mampu dan tidak

efisien dalam mengurus kerja seperti itu.

"Jangan fikirkan tentang keuntungan yang akan diperolehi oleh pengusaha yang mendapat francais ini sahaja.

"Saya ingin mengingatkan bahawa pengusaha ini pun mempunyai tanggungjawab yang berat dan jika didapati pemeriksaan yang dibuatnya tidak dilakukan dengan baik, kita akan menarik balik lesennya," katanya.